



مَنْتَرِي مَعْرَاثِن كَوْمُونِيكَاْسِي دَان كَبُوْدَايَاْن مَلِيْسِيَا

MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA  
MINISTER OF INFORMATION COMMUNICATIONS AND CULTURE MALAYSIA

## AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

### ARAHAN MENTERI MENGENAI PEMBAHAGIAN PAKEJ KOMPUTER RIBA/NETBOOK DAN LANGGANAN JALUR LEBAR KEPADA KUMPULAN SASAR MENGGUNAKAN DANA PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT (USP)

#### NO. ARAHAN 1 TAHUN 2010

Di bawah peruntukan Seksyen 7 dan 8 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Menteri dengan ini mengarahkan Suruhanjaya seperti berikut:

#### Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa

1. Arahan ini boleh disebut sebagai Arahan Menteri No. 1 Tahun 2010.
2. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa pada 29 April 2010.

#### Tafsiran

3. Dalam Arahan Menteri ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta 588 atau Peraturan-peraturan di bawahnya.

## **Pembahagian Pakej Komputer Riba/Netbook Dan Langganan Jalur Lebar Kepada Kumpulan Sasar Menggunakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP)**

4. Kerajaan telah menetapkan sasaran penembusan jalur lebar mengikut isi rumah sebanyak 50% pada akhir tahun 2010 melalui strategi penawaran dan permintaan jalur lebar. Antara inisiatif yang dikenal pasti adalah pembahagian pakej komputer bersama langganan Jalur Lebar bertujuan untuk mempertingkatkan kadar pemilikan komputer dan jalur lebar selari dengan sasaran penembusan jalur lebar yang ditetapkan.

5. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 24 Mac 2010, pihak Suruhanjaya adalah diarahkan untuk melaksanakan pembahagian pakej komputer riba/netbook dan langganan Jalur Lebar seperti butiran berikut:

- a) Menggunakan peruntukan sebanyak **RM 1 bilion** daripada dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) dengan persetujuan pemberi perkhidmatan melalui potongan dari dana tersebut untuk membayar komputer riba/netbook (harga di bawah RM1000 setiap unit) dan sebahagian yuran langganan jalur lebar selama tempoh 12 bulan.
- b) Pembahagian pakej komputer riba/netbook dengan langganan jalur lebar kepada kumpulan sasaran mengikut nisbah berikut:


- i) **65 peratus** dibahagikan kepada pelajar-pelajar yang kurang mampu dengan keutamaan diberi kepada pelajar sekolah menengah Kerajaan/bantuan Kerajaan yang masih tiada langganan jalur lebar di seluruh Negara dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM); dan
- ii) **35 peratus** lagi dibahagikan kepada golongan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan kurang liputan serta kawasan yang telah tersedia perkhidmatan dengan sasaran pengagihan meliputi kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru dan pusat penempatan masyarakat setempat di seluruh negara.
- c) **Sektor IKS** (industri kecil dan sederhana) turut dilibatkan menerusi kolaborasi dengan pemberi perkhidmatan jalur lebar berlesen.
- d) Pelaksanaan dijalankan secara berperingkat dan disiapkan sebelum **30 Disember 2010**.

6. Pihak Suruhanjaya hendaklah mengambil tindakan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Pembahagian Pakej Komputer Riba/Netbook Dan Langganan Jalur Lebar Kepada Kumpulan Sasar Menggunakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) seperti

di perenggan 5 di atas dan mengemukakan **laporan bulanan** kemajuan pelaksanaan.

Tarikh: 7 April 2010

[ KPKK.SKOM.KM(S)600 – 1/2 ( ) ]



**DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM**  
**Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan**